



Baca @Ramadan

Baca @Ramadan

Ramadan adalah bulan mulia penuh keberkatan. Adalah suatu rahmat apabila Allah SWT memanjangkan usia kita hingga bertemu dengan Ramadan pada tahun ini. Kita perlu mendidik diri kita dan keluarga kita untuk mensyukuri nikmat yang tidak ternilai ini. Kesempatan yang diberikan oleh Allah ini adalah untuk memberi peluang kepada kita menghapuskan dosa dan membebaskan diri kita daripada api neraka Allah SWT.



Daripada Abu Hurairah RA beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: “*Sesungguhnya Allah SWT memiliki hamba-hamba yang dibebaskan (dari neraka) pada setiap siang dan malam (Ramadhan), setiap daripada mereka (yang berpuasa) memiliki doa yang mustajab.*” (Hadith riwayat Ahmad)

Dosa seseorang itu akan diampunkan dosanya oleh Allah SWT sekiranya dia melalui ibadah Ramadan dengan bersungguh-sungguh dan penuh keimanan serta ikhlas kerana Allah SWT. Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: “*Sesiapa*

Baca @Ramadan

yang berpuasa Ramadhan dengan penuh keimanan dan ihtisab (mengharapkan keredhaan Allah) akan diampunkan dosanya yang telah lalu." (Muttafaqun 'Alayhi, hadith riwayat al-Bukhari).

Ramadan juga bulan Al-Quran. Membaca Al-Quran di bulan Ramadan mendapat pahala yang berlipat ganda. Kita perlu membaca Al-Quran setiap hari di bulan Ramadan. Kita perlu mengambil kesempatan di bulan Ramadan yang mulia ini untuk khatam Al-Quran serta memahami tuntutan Allah SWT dalam setiap ayat Al-Quran yang kita baca.



Baca @Ramadan

Ini selaras dengan Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah Ayat 185 yang bermaksud “(*Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) Bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah. Oleh itu, sesiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan Ramadhan (atau mengetahuinya), maka hendaklah dia berpuasa bulan itu*”.

Ramadhan juga bulan yang Allah SWT berikan peluang keemasan kepada kita untuk memperbanyak amalan dan pahala. Bulan Ramadan adalah satu bulan yang memberi kemudahan kepada umat Islam untuk membersihkan diri dari segala dosa dan menjauhkan dari neraka. Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah SAW bersabda: “*Apabila datang bulan Ramadhan, akan terbukalah pintu-pintu syurga dan terkuncilah pintu-pintu neraka serta syaitan-syaitan akan dirantai.*” (Hadis riwayat Muslim).

Ini satu keistimewaan yang tiada pada bulan-bulan yang lain. Satu-satunya bulan yang Allah SWT buka pintu-pintu syurga dan kunci pintu-pintu neraka serta makhluk syaitan dirantai. Keistimewaan ini diberikan

Baca @Ramadan

kepada umat Islam yang beriman untuk merebut peluang melakukan ibadah dengan tiada sebarang gangguan. Jika pada bulan biasa, kita boleh memberi alasan bahawa kita mungkin diganggu oleh Iblis dan Syaitan sehingga kita mudah terpengaruh dengan perkara mungkar dan maksiat. Inilah kehebatan bulan Ramadan kurniaan Allah SWT buat umat Islam.

Maka, kita perlulah melaksanakan ibadah di bulan Ramadan dengan bersungguh-sungguh kerana Allah SWT telah memberikan segala keistimewaan untuk kita pada bulan yang ini. Matlamat kita adalah untuk memasuki syurga Allah SWT dan dibebaskan dari neraka Allah SWT. Kita perlu memastikan agar ibadah kita tidak menjadi sia-sia di sisi Allah SWT. Banyak punca dan penyebab ibadah kita menjadi sia-sia antaranya disebabkan oleh lidah kita yang sering berdusta.



Baca @Ramadan

Daripada Abu Hurairah RA, beliau berkata, Rasulullah bersabda: “*Sesiapa yang tidak meninggalkan kata-kata dusta dan melakukan pendustaan, maka di sisi Allah SWT tiada lagi berhajat untuk dia meninggalkan makan dan minumnya (puasanya menjadi sia-sia).*” (Hadith riwayat al-Bukhari).



Sesungguhnya orang mukmin yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT di bulan Ramadan bukan sahaja mulia ketika di dunia, malahan Allah SWT telah menjanjikan nikmat syurga kepadanya. Malahan di Akhirat nanti dia akan memasuki syurga Allah melalui pintu yang istimewa iaitu pintu Ar-Rayyan. Sungguh beruntung orang yang berpuasa.

Baca @Ramadan

Daripada Sahl RA, beliau berkata, daripada Nabi SAW bersabda: *“Sesungguhnya dalam syurga terdapat satu pintu yang dinamakan ar-Rayyan, yang akan memasukinya pada hari kiamat hanyalah orang yang berpuasa, tiada sesiapapun layak memasukinya selain daripada mereka. Lantas akan diseru (oleh penjaganya) : “Dimanakah orang yang berpuasa? Maka mereka yang berpuasa pun bangun memasukinya, tiada sesiapapun yang layak memasukinya selain daripada mereka. Maka apabila mereka sudah memasukinya, pintu itu akan ditutup, maka tiada sesiapapun lagi yang akan dapat memasukinya.* (Muttafaqun ‘Alayhi, hadith riwayat al-Bukhari). Begitulah hebatnya insan yang berpuasa di sisi Allah SWT.

Matlamat hidup kita di dunia ini adalah untuk beribadah kepada Allah SWT bagi mengejar keredhaan Allah SWT ke arah menyelamatkan diri dari azab api neraka Allah SWT. Allah merakamkan di dalam al-Quran Surah Ali-Imran ayat 185 yang bermaksud : *“Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga maka sesungguhnya ia telah berjaya.”*. Kejayaan sebenar kita adalah selamat dari seksa api neraka dan mendapat ganjaran terbesar iaitu memasuki syurga Allah SWT.

Baca @Ramadan

Oleh itu, marilah kita sama-sama mengambil kesempatan di bulan Ramadan yang mulia ini untuk melipat gandakan amalan, memperbaiki diri ke arah kebaikan dan bertaubat kepada Allah SWT terhadap segala dosa kita yang lampau. Bermaafanlah kita sesama Islam sekiranya kita ada melakukan kesalahan terhadap saudara selslam dengan kita. Usah berasa malu walaupun kita berada di kedudukan yang tinggi di mata manusia.

Benar kata bidalan "*Tidak akan hilang bisa ular yang menyusur akar*", tidak akan jatuh martabat kita kalau kita sering bermaafan sesama kita. Allah tidak melihat kedudukan dan darjat kita di dunia, sebaliknya Allah SWT akan menilai taqwa kita kepadaNya.



Ustaz Norzaidan Bin Haji Hamad
Pegawai Hal Ehwal Islam